

KERATAN AKHBAR

JUDUL : **Bername Online**

TARIKH : **Sabtu, 20 September 2014**

BERNAMA - PNM Anjur Sembilan Program Sempena Bulan Baha... <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/ge/newsgeneral.php?id=>

PNM Anjur Sembilan Program Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Sempena Bulan Bahasa Kebangsaan, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan menganjurkan sembilan program mulai bulan ini sehingga November.

Timbalan Ketua Pengarah PNM Nafisah Ahmad berkata antaranya ialah Program Bersama Penulis dan Literasi Maklumat dan Media (22 hingga 24 Sept), Karnival Semarak Jawi (16 hingga 18 Okt) dan Apresiasi Irama Puisi Melayu Tradisional pada 27 Okt.

Katanya, aktiviti bertemakan 'Semarak Bahasa@Perpustakaan' itu bertujuan memperkasakan peranan perpustakaan sebagai antara institusi penggerak utama menyemarakkan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat menerusi galakan membaca.

"Ini sejajar dengan kedudukan PNM sebagai institusi paling banyak menyimpan khazanah intelek bangsa Melayu khususnya manuskrip Melayu yang ditulis menggunakan tulisan asal Bahasa Melayu iaitu tulisan Jawi," katanya dalam satu kenyataan.

Maklumat lanjut mengenai aktiviti berkenaan boleh layari laman web www.pnm.gov.my

-- BERNAMA